

Siri Sejarah Kolonialisme


2



cerekayasa

Bangi

Cerekayasa ialah *imprint* **Kawah Buku** yang menerbitkan judul-judul bacaan umum dan karya-karya kreatif bermutu tinggi. Adapun sebagai paluh yang mengadun pujangga kata dan imaginasi, cap cetak ini mahu menjadi gapura kepada naratif yang memukau dan keajaiban daya pengaryaan. Lambang Cerekayasa, yakni gabungan kelopak bunga yang mekar dan liuk nyala api, merupakan suatu pernyataan sikap penerbitan terhadap kualiti, kepelbagaian dan percikan keindahan kesusasteraan.



SERIGALA BERJAGA DALAM LENA

Mahdi Mirkiai

© Green Palm, 2025

© Kawah Buku, hak cipta suntingan dan penerbitan

Terjemahan dan adaptasi sah daripada judul asal *Wolves Sleep with One Eye Open* (History of Colonialism, Book 2), terbitan Green Palm tahun 2025.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Edisi ini diterbitkan pertama kali pada tahun 2026 oleh

Cerekayasa, sebuah imprint Kawah Buku

(Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing)

Bandar Baru Bangi

43650 Selangor

 press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari
Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-94014-6-9

Terjemahan oleh Wardina Syakira

Suntingan oleh Hanisa S.

Bacaan semak oleh Khairunisa

Reka bentuk kulit oleh Amin Landak

Ilustrasi dalaman buku oleh Green Palm


Diterbitkan di Malaysia

Dicetak oleh PX Print Express

2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

Isi Kandungan

<i>vii</i>	<i>Nota Penerbit</i>
<i>xi</i>	<i>Pendahuluan</i>
<i>1</i>	Dunia yang Luas
<i>3</i>	Wasiat Nabi Adam
<i>7</i>	Menantu Raja Portugal
<i>13</i>	Galeón de Manila
<i>17</i>	Pesaing Inggeris
<i>21</i>	Aku Tidak Akan Berkahwin
<i>25</i>	Lanun Diraja
<i>29</i>	Perompakan Kapal Golden Hind
<i>33</i>	Misi Rahsia Drake
<i>37</i>	Catatan Perjalanan Seorang Perompak
<i>39</i>	Balas Dendam
<i>43</i>	Pendatang Baharu
<i>47</i>	Quaker
<i>51</i>	Pengasingan
<i>55</i>	Penculikan
<i>59</i>	Guerra da Restauração
<i>63</i>	Kekayaan India
<i>67</i>	Compagnie des Indes Orientales
<i>71</i>	Perisik Inggeris
<i>75</i>	Ribut



Ketegangan di Amerika

79

Perang Tujuh Tahun

83

Inggeris di Amerika

89

Perang Telinga Jenkins

95

Kura-kura Tua

99

Rujukan

105

Nota Penerbit

Untuk memahami dunia moden hari ini—tentang bagaimana wilayah dan sempadan terbentuk, tentang bagaimana ekonomi bertumpuk dan terburai, tentang mengapa satu-satu konflik geopolitik itu berlaku—kita harus menoleh ke belakang, merenung dan menyelongkar pada suatu era sewaktu lautan yang terbentang menjadi lebih raya kepada terbinanya empayar-empayar kuasa Eropah. Merentasi pembacaan dalam Siri Sejarah Kolonialisme ini yang mengandungi 12 jilid, pembaca akan bertamu dan bergulat dengan sebuah sorotan kepada evolusi sejarah penjajahan global, sebermula awalnya mereka di Eropah ingin “meneroka” laluan perdagangan baharu di lautan, sehinggalah kepada mendekamnya hegemoni ekonomi pada abad moden kini.

Siri 12 jilid ini bukan sekadar mengungkap tarikh-tarikh dan babak-babak dalam sejarah; bahkan menganjur sebuah naratif global mengenai pembolotan kuasa, mengenai penjarahan sumber, dan juga mengenai sifat kemanusiaan itu sendiri. Pembaca akan dapat mencerakinkan mekanikal pembangunan sesebuah empayar dan tentu sekali pengkisahan ini bermula dengan sikap manusia-manusia di Eropah yang mahu memperluas-


kan kekuasaan (justeru kekayaan) mereka—lantas mewujudkan persaingan baharu di tanah-tanah yang baru ditemui mereka.

Siri ini membawa pembaca mendepani hakikat hitam lagi menyayat akan kekayaan yang dicipta oleh penjajahan Eropah. Pembaca akan dibawa menelusuri realiti manusia diperdagangkan, manusia menjadi hamba dan nilai tukaran dalam pusingan kekayaan Eropah. Pembaca akan mencermati bagaimana manusia “bukan-Eropah” dihenyak, dibunuh sehingga jutaan jiwa melayang, diperhancurkan bahasa dan budaya mereka, diperlantaikan harga diri dan maruah mereka—demi kehalobaan kepada emas dan tanah-tanah jajahan.

Bukan sahaja hal-hal bersifat fizikal semata, bahkan pembaca juga akan terendam dengan strategi-strategi yang diperalatkan penjajah untuk mengekalkan kuasa dan empayar mereka. Pembaca akan belajar bagaimana penjajah Eropah (dan juak keturunannya) merekayasa seni bina sistem kewangan global, monopoli korporat sehinggalah kepada penjarahan sumber yang bersifat sistemik—sebermula lahirnya kontraktor-kontraktor seumpama SHTI sehinggalah kepada perluasan dinasti-dinasti perbankan di Eropah; seterusnya pengekalan hegemoni sehingga hari ini—demi merungkai dan membolot kekayaan daripada ranah negara-negara Selatan.

Justeru, untuk membaca Siri Sejarah Kolonialisme, kami mengajukan sikap yang jelas dalam proses penterjemahan setiap jilid. Pembaca akan menemui penggunaan kata ganti nama “dia” untuk merujuk kepada raja-raja dan sosok penjajah. Kami mengelak daripada memberi nuansa hormat dan kagum kepada kisah-kisah “pencerobohan” yang dilakukan oleh penjajah Eropah, dan juak keturunannya.

Pembaca harus sedar, hal yang kita lalui pada hari ini, adalah beban yang kita masih pikul bernatijah daripada pembolotan dan penjarahan yang berlaku di ranah negara-negara Selatan sejak abad ke-15 sehinggalah sekarang. Meminjam konsep yang sering diungkap oleh Farish A. Noor, “*a long shadow*” (sebuah bayang-bayang yang tak terlepas); demikianlah hakikat bagaimana kita hidup dan bugar dalam dunia kapitalisme moden pada hari ini.



Pendahuluan

Serigala sering memburu secara berkumpulan. Hal ini menyebabkan ramai beranggapan bahawa mereka sentiasa bersama, termasuk semasa berehat dan tidur. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai mitos dan kepercayaan tentang cara hidup mereka. Antara kepercayaan yang popular ialah serigala tidur dalam posisi melingkar dengan mata yang sentiasa terbuka. Dari sudut pandang perilaku haiwan, keadaan melingkar ini dilihat sebagai tanda kesiagaan dan pertahanan. Walau bagaimanapun, dakwaan bahawa mata mereka sentiasa terbuka kerana bimbang akan diserang atau dicarik-carik oleh ahli kumpulan sendiri jika mereka leka, lebih bersifat mitos yang menggambarkan suasana saling mencurigai dalam sesebuah kelompok.

Apabila bangsa Eropah mula meneroka benua-benua baharu—yang dikenali sebagai Dunia Baru—mereka amat kagum dengan kekayaan sumber alam yang melimpah-ruah. Hal ini mencetuskan persaingan sengit antara negara-negara Eropah untuk mengeksploitasi sumber dan tanah tersebut sebelum didahului oleh pesaing lain. Berbeza dengan serigala, bangsa-bangsa Eropah ini tidak

memburu secara berkumpulan. Walau bagaimanapun, mereka mempunyai persamaan dengan mitos serigala tersebut: Mereka saling mencurigai dan sentiasa berwaspada antara satu sama lain dengan “mata yang sentiasa terbuka” walaupun ketika sedang beristirehat.

Persaingan untuk menguasai kekayaan di benua-benua baharu ini sering membawa kepada peperangan antara negara Eropah di tanah-tanah jajahan mereka. Portugal dan Sepanyol merupakan perintis kepada penjelajahan, penaklukan dan pendudukan wilayah luar untuk mengaut kekayaan di luar sempadan kawasan asal mereka. Kemewahan yang diraih oleh Portugal dan Sepanyol di tanah jajahan ini menimbulkan perasaan iri dalam kalangan negara Eropah yang lain. Akibatnya, negara-negara pesaing mula memperkukuhkan armada laut masing-masing bagi mencabar kekuasaan Sepanyol dan Portugal di wilayah jajahan tersebut. Dengan perkembangan ini, sejarah penjajahan dunia melangkah ke fasa baharu yang dikenali sebagai persaingan kolonial antara kuasa-kuasa Eropah.






Pada abad ke-15, ketika penjelajah Portugal dan Sepanyol merentasi lautan untuk mencari laluan ke India, tiada siapa menyangka bahawa mereka akan menemui wilayah-wilayah baharu, apatah lagi benua-benua yang kaya-raya. Rentetan daripada pelayaran dan penerokaan ini, peta dunia yang dikenali oleh bangsa Eropah telah meluas sehingga dua kali ganda. Penemuan tersebut menyedarkan mereka tentang kewujudan daratan yang

luas dan kaya dengan sumber asli seperti benua Amerika Utara dan Amerika Selatan, serta pelbagai kepulauan besar dan kecil di Lautan Pasifik dan Atlantik. Mereka juga baru menyedari bahawa benua Afrika sebenarnya jauh lebih besar daripada apa yang dibayangkan sebelum ini. Pelayaran ini turut berjaya menemukan laluan laut baharu yang menghubungkan negeri-negeri di Timur mahupun di Barat.

Sepanjang era penjelajahan ini, bangsa Eropah berjaya mengaut kekayaan luar biasa yang mengubah benua tersebut daripada sebuah wilayah yang miskin kepada benua yang maju. Berabad lamanya mereka menjarah emas dan perak dari benua Amerika, serta rempah ratus dari India dan Asia Tenggara.

Lambakan emas dan perak yang mengalir ke Eropah ini akhirnya menyemarakkan lagi pasaran dan perdagangan di benua tersebut. Pedagang-pedagang Eropah menjadi kaya-raya dalam tempoh yang singkat. Pada masa yang sama, raja-raja Eropah mengambil peluang dengan memungut cukai yang lebih banyak untuk memperkayakan lagi istana serta membina angkatan tentera yang lebih kuat. Segala kemewahan yang dinikmati oleh Eropah ini adalah hasil daripada harta dan kekayaan yang dijarah dari tanah-tanah jajahan mereka.



Wasiat Nabi Adam

Pada awal abad ke-16, berita tentang kejayaan bangsa Spanyol dan Portugal dalam mengaut kekayaan dari tanah jajahan mula tersebar luas ke seluruh pelosok Eropah. Khabar ini turut sampai ke pengetahuan pemerintah Perancis ketika itu, Francis I. Dia berasa iri hati melihat kapal-kapal Spanyol pulang dengan muatan emas dan perak yang melimpah, manakala penjelajah Portugal pula

mampu membeli kapal-kapal baharu hasil keuntungan lumayan daripada perdagangan rempah ratus yang dibawa dari tanah jajahan.

Oleh kerana enggan ketinggalan dalam perlumbaan meneroka dan menakluki Dunia Baru, Francis I mula mencari nakhoda-nakhoda Itali yang mahir dan berpengalaman. Apabila berita tentang usaha ini sampai ke pengetahuan pihak Sepanyol, raja Sepanyol segera menghantar duta besarnya ke istana untuk memberikan peringatan kepada Francis I. Duta tersebut menegaskan bahawa berdasarkan *Perjanjian Tordesillas*, Paus Alexander VI telah membahagikan dunia hanya untuk Sepanyol dan Portugal; maka, hanya dua kuasa itu sahaja yang dibenarkan untuk melakukan penjelajahan.

Walau bagaimanapun, duta Sepanyol itu dikejutkan dengan pertanyaan sinis daripada Francis I, “Adakah ini menepati apa yang tertulis dalam surat wasiat Nabi Adam?”

Duta tersebut terpinga-pinga kerana tidak memahami maksud dia, lalu Francis I menyambung, “Wasiat Nabi Adam. Bukankah kau menemuinya di seberang laut sana? Cuba tunjukkan kepada aku wasiat itu.”

Melihat duta tersebut yang masih kebingungan, dia membentak dengan nada berang, “Mana wasiat itu? Cepat tunjukkan kepada aku!”.

Setelah bertenang, Francis I berkata: “Matahari menyinari aku sama seperti ia menyinari orang lain. Aku benar-benar ingin melihat perenggan dalam surat wasiat Nabi Adam yang menafikan hak aku daripada memiliki kekayaan di dunia ini. Jika catatan itu tidak wujud, bermakna Nabi Adam tidak pernah melarang aku untuk turut menikmati hasil mahsul emas, perak dan berlian di seberang lautan.”

Duta Sepanyol itu akhirnya menyedari sindiran tajamnya dan sekali lagi membangkitkan tentang titah persempadanan oleh Paus Alexander VI.

Francis I sudah menjangkakan perkara itu. Dia lantas menunjukkan satu dokumen daripada Paus yang baharu, Clement VII, yang menjelaskan bahawa titah Paus Alexander VI hanya terpakai bagi tanah-tanah yang sudah ditemui, bukannya wilayah yang belum dicapai oleh umat Kristian.

Dengan jawapan tersebut, Francis I menghantar pulang duta Sepanyol itu. Dia kemudian membuat kontrak dengan seorang penjelajah Itali, Giovanni da Verrazzano, untuk meneroka Lautan Atlantik dan Amerika Utara bagi mencari laluan laut baharu ke China. Verrazzano belayar sehingga sampai ke wilayah yang kini dikenali sebagai Carolina Utara dan berjaya memetakan banyak kawasan baharu di sepanjang pesisir benua Amerika untuk kera-

jaan Perancis. Walaupun dia menemui laluan yang dipercayainya menuju ke China, dia sendiri tidak pernah berjaya sampai ke negara tersebut.

Seterusnya, Francis I menghantar seorang penjelajah Perancis, Jacques Cartier, ke Dunia Baru dengan misi yang sama. Cartier meneroka wilayah yang luas dan menjadi orang Eropah pertama yang tiba di tanah yang kini dikenali sebagai Kanada. Dia melaporkan kepada si raja itu bahawa daratan di benua itu terbentang seluas mata memandang.

Cartier berasa sangat teruja apabila ternampak batuan putih yang berkilauan di sebuah bukit tinggi di Quebec. Dia segera memerintahkan anak buahnya melombong batu yang disangkanya berlian itu untuk dibawa pulang ke Perancis dengan penuh rasa bangga. Namun, setibanya di sana, bongkahan itu disahkan hanyalah batu kuarza yang tidak bernilai. Cartier yang pada mulanya menjangkakan keuntungan besar akhirnya terpaksa berputih mata.

Peristiwa ini kemudiannya melahirkan peribahasa dalam bahasa Perancis berbunyi “*Faux comme un diamant du Canada*”, yang bermaksud “palsu seperti berlian Kanada”.